

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PERASMIAN MAJLIS PENUTUPAN MISI SUKARELAWAN SISWA YSS-
ASEAN**

**KG. BATANG MARO, BATANG LUPAR, SARAWAK
2016**

3 MAC 2016

[SALUTASI]

Assalammualaikum W.B.T, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang indah ini sempena Majlis Penutupan Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2016. Terima kasih juga kepada pada belia dan penduduk kampung Batang Maro atas sokongan dalam menjayakan program dan kesudian menjadi tuan rumah majlis pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya mewakili pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah ke atas Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) atas penganjuran Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2016. Misi berimpak tinggi ini berobjektif untuk melahirkan pemimpin sukarelawan siswa di pentas global di samping menggalakkan penglibatan siswa dan komuniti setempat dalam aktiviti kesukarelawan.

MISI SUKARELAWAN SISWA YSS-ASEAN

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Saya difahamkan, misi hari ini merupakan misi pertama dilancarkan oleh YSS pada tahun ini dan dijalankan serentak di tiga buah kawasan iaitu di Kg. Batang Maro, Batang Lupar dan dua lagi di daerah Song iaitu di Nanga Nyimoh dan Nanga Temalat. Misi ini melibatkan lebih kurang 100 orang sukarelawan siswa yang terdiri daripada pelajar IPTA, IPTS, Institut Pendidikan Guru (IPGM), Kolej Komuniti, Politeknik dan pelajar dari negara-negara ASEAN seperti Cambodia dan Brunei. Penyertaan pelajar dari Negara ASEAN ini membuktikan YSS komited dalam menyemarakkan semangat ASEAN dalam diri setiap sukarelawan siswa dan sejajar dengan matlamat YSS dalam melahirkan Pemimpin Sukarelawan Siswa di persada dunia.
4. Saya percaya melalui misi ini, mahasiswa di Malaysia akan memperoleh pelbagai manfaat daripada impak dan keunikan tersendiri. Misi Sukarelawan Siswa yang telah dilaksanakan berdasarkan konsep '*immersion*' di mana sukarelawan bukan sahaja bersama-sama komuniti setempat mengerah keringat dan menyumbang bakti di Kg Batang

Maro, malah turut menghayati dan mendalami budaya, cara hidup dan adat resam masyarakat di sini.

5. Sukarelawan siswa daripada institusi yang terpilih untuk menyertai Misi Sukarelawan Siswa YSS ini akan menjadi sumber inspirasi kepada anak-anak kampung dalam menghidupkan budaya sukarelawan dan seterusnya melahirkan generasi sukarelawan siswa berminda kelas pertama.

6. Saya dimaklumkan, sepanjang misi ini berlangsung, para sukarelawan siswa telah membantu penduduk menerusi khidmat komuniti seperti pemasangan dan pembinaan projek penapis air bersih di kampung terbabit. Para sukarelawan turut membantu pembinaan pintu gerbang, membaik pulih laluan pejalan kaki masjid, membaiki sistem perpaipan, membaik pulih tandas dan tempat mandi serta pemindahan dan penyediaan tapak tangki sekolah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA

7. Selaras dengan kepentingan sukarelawan seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui pelaksanaan Program 1Malaysia For Youth (iM4U) dan Program 1Malaysia Youth Empowerment dan Support (1MYES), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Institut Sosial Malaysia turut mengambil langkah proaktif dengan memberi penekanan kepada program kepada pembangunan sukarelawan melalui program-program latihan yang dijalankan kepada sukarelawan di seluruh negara.
8. Program latihan yang dijalankan bertujuan supaya para sukarelawan memberikan khidmat bakti dengan berbekalkan ilmu dan kemahiran yang relevan dalam menjalankan tugas mereka.
9. Kementerian sentiasa berusaha menanam dan menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat di seluruh negara. Saya percaya melalui misi ini, para belia YSS berpeluang membantu Kementerian khususnya dan negara amnya dengan

menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada masyarakat yang memerlukan seperti warga emas yang tinggal sendirian, Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga semasa bencana melanda seperti banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

PROGRAM SUKARELAWAN @ KPWKM

Hadirin sekalian,

10. Suka ingin saya kongsi KPWKM melalui agensi di bawahnya turut mempunyai program sukarelawan seperti :

- **Program Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).**

Program ini telah ditubuhkan sejak tahun 1985 dan telah melaksanakan pelbagai aktiviti sukarelawan di seluruh negara terutama menerusi program khidmat bantu di rumah (*home help*). Sehingga Februari 2016, terdapat seramai 9,009 orang sukarelawan telah berdaftar di bawah JKM.

- **Komuniti PERWANI 1Malaysia (PERWANI).** Program ini dilaksanakan secara NBOS bermatlamat membentuk satu perkumpulan jaringan wanita (dengan ahli antara 10 hingga 20 orang

wanita bagi setiap kumpulan) sebagai agen transformasi pembangunan sosial di peringkat komuniti. Melalui kekuatan jaringan PERWANI, penyaluran dan penyebaran maklumat mengenai sesuatu perkara terutamanya perkhidmatan Kerajaan dapat disampaikan kepada masyarakat di peringkat akar umbi dengan lebih berkesan termasuklah pelaksanaan kerja-kerja sukarelawan. Sehingga kini, terdapat sebanyak 12,878 kumpulan PERWANI telah berjaya ditubuhkan di seluruh negara dengan ahli seramai 169,248 orang.

11. Untuk makluman tuan/puan juga, pada petang ini saya akan merasmikan Sukarelawan Jiwa Malaysia yang akan diperluaskan lagi kumpulan sasarannya dengan melibatkan penyertaan lebih ramai sukarelawan daripada pelbagai agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan yang berkaitan dalam memberi bantuan dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Di kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Saratok, pihak Sekolah Kebangsaan Kampung Batang Maro, Klinik Kesihatan Kabong, warga Kampung Batang Maro dan semua pihak yang terlibat yang sudi menerima siswa-siswi YSS, menjaga keselamatan mereka dan memberi kerjasama yang padu sepanjang misi ini berlangsung. Besarlah harapan saya dengan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak dalam menjayakan program ini dapat memberikan manfaat kepada pihak sekolah seterusnya melonjakkan lagi pencapaian prestasi murid selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan murid secara menyeluruh dan seimbang.

13. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi atas komitmen dan kerjasama hadirin sekalian dalam menjayakan Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN ke Kg. Batang Maro, Batang Lupar, Sarawak 2016.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan
Majlis Penutupan Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2016.**